

21
SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL

TARIKH: 7 MAC 2018

SOALAN:

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- a) peratus peluang pekerjaan yang akan diwujudkan bagi para graduan yang berdasarkan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) menjelang tahun 2020 kelak; dan

- b) apakah inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian bersama pihak lain yang berkenaan dalam menarik lebih ramai rakyat tempatan untuk menceburi pasaran kerjaya dalam bidang kemahiran yang pada ketika ini kebanyakannya pekerja di dalam bidang kerjaya tersebut adalah pekerja asing.

PR-1361-L04427

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, seperti mana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 60 peratus daripada 1.5 juta peluang pekerjaan yang akan diwujudkan menjelang tahun 2020 melibatkan para graduan yang berasaskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Bagi memastikan pelajar mempunyai kepakaran yang relevan dengan kehendak industri, pembangunan dan penyampaian TVET akan diterajui oleh pihak industri, melalui kerjasama institusi TVET dengan Kerajaan. Kaedah ini telah terbukti, kerana lebih 80 peratus pelajar lepasan TVET berjaya mendapat pekerjaan yang sesuai dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.

2. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama pihak-pihak lain sama ada daripada Kerajaan mahupun swasta untuk memastikan lebih ramai rakyat tempatan menceburi pasaran kerjaya melalui latihan kemahiran. Antara inisiatif-inisiatif tersebut adalah:

- (i) Kementerian telah memperluaskan pelaksanaan program mengiktiraf pengalaman dan kepakaran pekerja berkemahiran melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan Program Recognition Of Prior

Experiential Learning (RPEL). Sehingga kini, hampir 303,713 orang pekerja telah dipersijilkan dalam pelbagai bidang kemahiran, yang secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup golongan ini ke tahap yang lebih baik;

- (ii) KSM melalui *JobsMalaysia* telah mengadakan Program Penempatan Pekerjaan seperti penganjuran karnival pekerjaan (*JobsFair*) sepanjang tahun bagi menemukan pencari kerja dengan majikan secara langsung. Melalui program ini, pelajar yang telah tamat kursus boleh mendapat khidmat nasihat mengenai pekerjaan, peluang temuduga secara terbuka dan mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Program ini diadakan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara;
- (iii) Melalui portal *JobsMalaysia*, pelajar lepasan pusat latihan kemahiran boleh mendaftar secara *online* atau di pejabat-pejabat Jabatan Tenaga Kerja yang berdekatan. Melalui perkhidmatan ini, permohonan mereka akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh syarikat-syarikat mengikut kesesuaian kelayakan akademik dan pengalaman kerja.
- (iv) Program 1 MASTER yang meliputi kerjasama 6 Kementerian telah diperkenalkan. Program ini adalah hasil kerjasama erat antara 11 institusi latihan TVET dan

industri. Program yang berkonsepkan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) ini, menawarkan latihan berasaskan industri dengan 70% latihan praktikal di syarikat dan 30% teori di institusi TVET.

3. Kesimpulannya, pihak Kerajaan sentiasa komited dalam usaha untuk membantu pelajar lepasan pusat latihan kemahiran mendapat peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, mereka juga perlu bersikap proaktif serta mempunyai inisiatif untuk merebut pelbagai peluang dan kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan. Mereka tidak boleh hanya duduk diam dan menunggu sahaja kerana pada era yang kompetitif dan mencabar ini, "*siapa cepat dia dapat*". Persiapan diri dari segi fizikal, mental dan sikap untuk menjadi pekerja yang baik hendaklah di aplikasi serta dijadikan sebagai platform bagi memulakan kerjaya masing-masing.

25

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

TARIKH : 7.3.2018 (RABU)

SOALAN : 16

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan serius melaksanakan cadangan penanaman ketum untuk tujuan perubatan dan cadangan-cadangan tanaman alternatif lain yang dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini melalui RISDA ada melaksanakan Program Tanam Semula Getah ke Getah (TSGG) dan Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL).

Bagi Program TSGL, terdapat 8 jenis tanaman yang boleh diluluskan iaitu Sawit, Kelapa, Koko, Kopi, Nenas, Orkid, Lada Hitam dan Buah-buahan (Durian, Rambutan, Durian Belanda, Ciku, Mangga, Jambu, Duku, Limau, Langsat, Belimbing, Dokong, Manggis, Cempedak, Sukun dan Nangka).

Walau bagaimanapun, tanaman Ketum tidak termasuk dalam senarai sebagai tanaman yang diluluskan untuk menerima bantuan dalam program-program yang dilaksanakan oleh RISDA.